

21/07/2001

Siti Hasmah rai pesakit kanak-kanak

SERAMAI 50 pesakit kanak-kanak wad satu Hospital Besar Kota Bharu (HKB) menerima sumbangan dari KUB Berhad, disampaikan isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, di sini, semalam.

Majlis itu antara program lawatan kerja sehari beliau bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan yang diadakan secara berasingan.

Dalam program selama satu jam itu, beliau sempat beramah mesra dengan kanak-kanak dan ibu bapa di wad berkenaan.

Turut mengiringi beliau ialah Ketua Wanita Umno negeri, Datin Nik Azizah Nik Yahya; Pengarah HKB, Dr Mary Abraham, pemimpin Wanita Umno dan Puteri Umno negeri.

Selepas itu, Dr Siti Hasmah bersama rombongan mengadakan pertemuan dengan pemimpin Wanita Umno dan Puteri Umno Kelantan di Wadi Sofia, kediaman Pengerusi KUB, Datuk Hassan Harun, di Binjai, Kubang Kerian.

(END)